



ALLIANCE ISLAMIC BANK

Lembaran Pendedahan Produk Resit Amanah Muhabahah-i

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Resit Amanah Murabahah-i. Jika permohonan anda telah diluluskan, pastikan anda membaca terma dalam surat tawaran sebelum menerima tawaran Bank untuk kemudahan tersebut. Sila rujuk pengurus perhubungan anda jika anda memerlukan penjelasan tentang terma tersebut.



Nama produk: Resit Amanah Murabahah-i

1. Apakah produk ini?

- Resit Amanah Murabahah-i (MTR-i) adalah kemudahan yang ditawarkan untuk membiayai import dan pembelian barangan tempatan yang tidak dilarang oleh Syariah.
- Ia membolehkan pembeli/pengimport menerima penghantaran barangan sebelum melakukan bayaran kepada pembekal.
- Bank kekal sebagai hak milik sah barangan tersebut tetapi menyerahkan pemilikan fizikal kepada pembeli/pengimport barangan yang bertindak sebagai pemegang amanah atau ejen kepada Bank. Pembeli/pengimport akan melupuskan barangan melalui jualan kepada pelanggannya dan menggunakan hasil jualan untuk membayar jumlah yang perlu dibayar kepada Bank pada atau sebelum tarikh matang transaksi pembiayaan MTR-i.

2. Apakah kontrak Syariah yang digunakan?

- MTR-i adalah berdasarkan Kontrak Murabahah kepada Pemesan Pembelian (MPO).
- Murabahah merujuk kepada jualan dan belian aset di mana kos pemerolehan dan penambahan diberitahu kepada pembeli.
- MPO merujuk kepada pengaturan di mana pemesan pembelian (pembeli, iaitu Pelanggan) berjanji (Wa'd) untuk membeli aset yang dikenal pasti dan ditentukan daripada penjual (iaitu Bank) dengan syarat Murabahah selepas pemerolehan aset tersebut. Kaedah yang terlibat dalam pembiayaan MTR-i untuk setiap penggunaan kemudahan MTR-i:

| | |
|----|---|
| 1. | Bank (iaitu Penjual) melantik Pelanggan (iaitu Pemesan Belian) di bawah Kontrak Wakalah sebagai ejen pembelian yang tidak didedahkan untuk barangan patuh Syariah bagi pihak Bank. |
| 2. | Pelanggan berjanji (Wa'd) untuk membeli barangan Patuh Syariah daripada Penjual. |
| 3. | Pelanggan membeli barangan patuh Syariah daripada Pembekal bagi pihak Bank. |
| 4. | Berdasarkan janji Pelanggan untuk membeli, Bank menjual barangan Patuh Syariah kepada Pelanggan pada harga yang ditambah (nilai yang sama dengan harga jualan) mengikut dasar pembayaran tertunda. Pelanggan kini memiliki barangan tersebut. |

3. Apa yang saya peroleh daripada produk ini?

| | |
|-------------------|---|
| Pembiayaan | Pembiayaan adalah bagi invois dan dokumen sokongan yang membuktikan penghantaran barangan melalui kaedah pembayaran akaun terbuka, kutipan atau surat kredit. |
| Margin pembiayaan | 100% daripada nilai invois. |
| Kadar Keuntungan | BFR + ___% setahun. |
| Tempoh | ___ hari. |

Harga Jualan yang termasuk caj keuntungan adalah ditetapkan pada setiap pengeluaran yang dikira berdasarkan Kadar Keuntungan semasa seperti berikut:

Untuk ilustrasi sahaja:

| | | |
|-----------------------|---|--------------|
| Amaun / Had Kemudahan | : | RM1,000,000 |
| Amaun yang Digunakan | : | RM300,000 |
| Tempoh | : | 90 hari |
| Kadar Keuntungan | : | 9% |
| Harga Jualan | : | RM306,657.53 |
| Amaun Keuntungan | : | RM6,657.53 |

Formula untuk mengira keuntungan ialah: Amaun yang Digunakan x Kadar Keuntungan x Tempoh (dalam hari) / Bilangan hari dalam setahun

4. Apakah tanggungjawab saya?

- Penyelesaian penuh harga jualan (prinsipal dan keuntungan) pada tarikh matang. Anda boleh membuat penyelesaian separa pada bila-bila masa sepanjang tempoh transaksi MTR-i.

5. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

| Yuran dan Caj | Butiran |
|--|--|
| Duti Setem | Duti setem perlu dibayar mengikut Akta Setem 1949 (disemak 1989). |
| Komisen (akaun terbuka untuk penyelesaian perdagangan) | 0.1% pada nilai invois. Minimum: RM50.00 Maksimum: RM100 (mata wang asing), RM500 (mata wang tempatan) |

Berikut adalah yuran dan caj penting yang dikenakan untuk kemudahan:

Sila rujuk laman web Bank untuk yuran dan caj terkini yang dikenakan ke atas produk. Sila dimaklumkan bahawa yuran dan caj di laman web Bank dikemas kini dari semasa ke semasa. Anda akan dimaklumkan tentang sebarang perubahan pada yuran dan caj sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa perubahan sedemikian.

6. Bagaimana jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

- Caj Pembayaran Lewat (“CPL”) akan dikenakan dalam senario berikut:
- Jika keingkaran yang berlaku menyebabkan keseluruhan Kemudahan ditarik balik atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman sebelum tempoh matang MTR-i - Pampasan pada kadar yang bersamaan dengan kos sebenar Bank tidak melebihi 1% setahun atau kadar maksimum lain sedemikian yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia ke atas baki tertunggak (prinsipal tertunggak dan keuntungan terakru) yang terakru dari tarikh matang* sehingga tarikh penyelesaian atau penghakiman (yang mana lebih awal).
- Selepas tempoh matang MTR-i – Pampasan pada kadar yang bersamaan dengan kos sebenar Bank tidak melebihi kadar lazim semalaman harian Pasaran Wang Antara Bank Islam (IIMM) yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia ke atas baki tertunggak (prinsipal tertunggak dan keuntungan terakru).
- Kemudahan yang dikemukakan kepada mahkamah untuk penghakiman: Caj pembayaran lewat akan dikenakan pada kadar yang bersamaan dengan kos sebenar Bank tidak melebihi kadar IIMM yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia ke atas baki tertunggak (yang tidak termasuk caj pembayaran lewat yang belum dikutip dan kos lain sebelum penghakiman) dari tarikh penghakiman sehingga hutang penghakiman diselesaikan sepenuhnya.
- Walau apa pun perkara di atas, amaun pampasan tidak boleh dikompaun.

Formula:

$$\text{Caj Pembayaran Lewat} = \text{Baki tertunggak} \times \text{kadar CPL} \times \text{Bilangan hari tertunggak} / 365 \text{ hari}$$

- Ilustrasi pengiraan CPL:

| | |
|--------------------------|--|
| Baki tertunggak | RM100,821.92 |
| Kadar CPL | 1.72% |
| Bilangan hari tertunggak | 10 hari |
| Amaun CPL | $\frac{\text{RM100,821.92} \times 1.72\% \times 10 \text{ hari}}{365 \text{ hari}}$ = RM47.51 |

- Hak untuk tolak selesai: Bank berhak untuk tolak selesai sebarang baki kredit dalam akaun anda yang dikekalkan dengan Bank terhadap apa-apa baki tertunggak di bawah kemudahan, tertakluk kepada pemberian notis 7 hari kalendar terlebih dahulu jika anda gagal menjelaskan amaun yang perlu dibayar pada tarikh matang.
- Bank berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap anda dan penjamin anda (jika ada) jika anda gagal membalas notis peringatan untuk pembayaran dan anda perlu menanggung semua kos yang berkaitan dengannya. Cagaran yang menjamin kemudahan juga mungkin akan dibubarkan atau dirampas untuk menyelesaikan amaun tertunggak.
- Bank berhak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap anda dan/atau penjamin anda (jika ada) dan membubarkan atau merampas cagaran yang diberikan (jika ada) untuk kemudahan.

| 7. Bagaimana jika saya melakukan prabayaran atau penyelesaian penuh bagi pembiayaan sebelum tempoh matang? | | | | | | | | | | | | |
|--|---|---------------------|----|---|----|----------------------|----|---|----|--|----|----------------------|
| Jika anda membuat pembayaran separa sebelum tempoh matang pembiayaan (“prabayaran”), liabiliti anda akan dikurangkan dengan sewajarnya kerana keuntungan untuk baki tempoh selepas prabayaran akan dikira berdasarkan baki prinsipal yang lebih rendah. Jika anda menyelesaikan pembiayaan dengan sepenuhnya sebelum tempoh matang (“penyelesaian awal”), Bank tidak akan mengambil keuntungan untuk baki tempoh selepas penyelesaian. Bank akan memberi rebat (<i>ibra</i>) ke atas Harga Jualan (keseluruhan kewajipan untuk pembiayaan) yang disebabkan oleh prabayaran/penyelesaian awal. | | | | | | | | | | | | |
| 8. Adakah saya memerlukan perlindungan takaful? | | | | | | | | | | | | |
| Ya, perlindungan takaful mungkin diperlukan jika kemudahan dijamin dengan cagaran seperti hartanah, tertakluk kepada jenis cagaran yang dikenakan yang memihak kepada Bank. Sebagai contoh, jika cagaran adalah hartanah, perlindungan takaful bagi kebakaran/pemilik rumah ke atas hartanah tersebut yang dikenakan kepada Bank adalah diperlukan. Jika anda menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan pembiayaan anda, sila hubungi pengurus perhubungan anda terlebih dahulu untuk membincangkan pilihan pembayaran. | | | | | | | | | | | | |
| 9. Adakah saya perlu cagaran atau penjamin? | | | | | | | | | | | | |
| <ul style="list-style-type: none"> • Cagaran: Tertakluk kepada penilaian kredit oleh Bank. • Penjamin: Tertakluk kepada penilaian kredit oleh Bank. | | | | | | | | | | | | |
| 10. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya? | | | | | | | | | | | | |
| Adalah penting untuk anda memaklumkan kami mengenai apa-apa perubahan dalam butiran perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Hubungi pengurus perhubungan anda atau kemas kini butiran akaun anda di mana-mana cawangan bank kami. | | | | | | | | | | | | |
| 11. Di mana saya boleh dapatkan bantuan dan penyelesaian? | | | | | | | | | | | | |
| <ul style="list-style-type: none"> • Jika anda menghadapi masalah untuk membuat pembayaran, anda harus hubungi pengurus perhubungan anda secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran. • Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). AKPK menawarkan penyelesaian khusus untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mengurus hutang mereka dan menggalakkan amalan pengurusan kewangan yang baik melalui Skim Penyelesaian Hutang Kecil (SDRS) mereka. Perkhidmatan AKPK boleh diakses melalui saluran dalam talian mereka di https://services.akpk.org.my. • Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, sila hubungi pengurus perhubungan anda atau anda boleh hubungi kami di: Alliance Bank Malaysia Berhad, Unit Aduan Kumpulan Tingkat 7, Menara Multi-Purpose, Capital Square, 8 Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur Tel: 03-2600 1800; Faks: 03-26918229; E-mel: info@alliancefg.com • Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi LINK atau TELELINK Bank Negara Malaysia di: Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato’ Onn, 50480 Kuala Lumpur Tel: 1-300-88-5465; Faks: 03-2174 1515; E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my | | | | | | | | | | | | |
| 12. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut? | | | | | | | | | | | | |
| Jika anda ingin mendapat maklumat lanjut tentang MTR-i dan/atau produk dan perkhidmatan kami yang lain, sila layari laman web Bank kami di https://www.alliancebank.com.my / atau hubungi pengurus perhubungan perniagaan anda. | | | | | | | | | | | | |
| 13. Produk dan perkhidmatan perniagaan lain yang disediakan: | | | | | | | | | | | | |
| <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Produk/Perkhidmatan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Pembiayaan Perdagangan dan Perkhidmatan Islam</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Kemudahan Cashline-i</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah-i</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Pembiayaan Berjangka Premis Perniagaan-i</td> </tr> <tr> <td>5.</td> <td>Sewa Beli Industri-i</td> </tr> </tbody> </table> | Bil. | Produk/Perkhidmatan | 1. | Pembiayaan Perdagangan dan Perkhidmatan Islam | 2. | Kemudahan Cashline-i | 3. | Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah-i | 4. | Pembiayaan Berjangka Premis Perniagaan-i | 5. | Sewa Beli Industri-i |
| Bil. | Produk/Perkhidmatan | | | | | | | | | | | |
| 1. | Pembiayaan Perdagangan dan Perkhidmatan Islam | | | | | | | | | | | |
| 2. | Kemudahan Cashline-i | | | | | | | | | | | |
| 3. | Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah-i | | | | | | | | | | | |
| 4. | Pembiayaan Berjangka Premis Perniagaan-i | | | | | | | | | | | |
| 5. | Sewa Beli Industri-i | | | | | | | | | | | |

14. Penafian

Lembaran Pendedahan Produk ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak boleh ditafsirkan sebagai kewajipan oleh Bank untuk memberikan kemudahan kepada anda. Terma di sini adalah tertakluk kepada penilaian kredit dan kelulusan Bank.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan produk ini adalah sah pada [masukkan tarikh].

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMENUHI TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN ANDA UNTUK KEMUDAHAN.

PENGAKUAN OLEH PELANGGAN:

Saya/Kami mengakui bahawa saya/kami telah membaca dan memahami ciri-ciri produk, terma penting dan kewajipan yang berkaitan dengannya. Saya/kami memahami bahawa lembaran pendedahan produk ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak boleh ditafsirkan sebagai tawaran oleh Bank atau kewajipan Bank untuk memberikan sebarang kemudahan kepada kami.

Nama:
Tarikh: